

22/06/2002

Musharraf, Vajpayee telefon Dr Mahathir

ho Rohman; Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan beliau bercakap menerusi telefon dengan Presiden Musharraf dari Pakistan dan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee mengenai konflik kedua-dua negara itu berhubung isu Kashmir.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau tidaklah begitu cekap untuk membantu meredakan ketegangan itu walaupun ada orang ketiga cuba membabitkannya supaya campur tangan.

"Nampaknya ada orang mahu saya campur tangan dan apa yang mereka lakukan ialah memberitahu Presiden Musharraf bahawa saya mahu bercakap dengan dia, dan (pada masa sama) memberitahu saya bahawa Musharraf mahu bercakap dengan saya.

"Perkara yang sama berlaku, nampaknya dengan Perdana Menteri India. Saya diberitahu, dia (Vajpayee) mahu bercakap dengan saya. Jadi apabila saya bercakap dengannya, dia memberitahu "saya ingat anda (Dr Mahathir) mahu bercakap dengan saya..."

"Jadi, ada orang cuba membabitkan saya, tetapi saya tidak cekap untuk berbuat apa-apa," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno hari kedua berakhir di sini petang ini.

Beliau diminta mengulas laporan dari New Delhi yang menyatakan bahawa Dr Mahathir menghubungi Vajpayee semalam bagi membincangkan keadaan ketegangan India-Pakistan. Beliau tidak menyebut bila perbualan telefonnya dengan Musharraf berlaku.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pendirian Malaysia sudah jelas dan percaya kepada ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebelum ini.

"Kita kutuk semua jenis keganasan sama ada yang merentas sempadan atau tidak. Tetapi kita juga menyatakan kita harus mengkaji puncanya.

"Jika kita tidak mengkaji punca dan menanganinya, maka akan berlaku keganasan. Sudah tentu anda boleh menuduh sesebuah negara terbabit (dalam keganasan) dan Israel contohnya, sudah pasti terbabit.

"Pakistan nafi ia terbabit, bukan saya untuk membuat penghakiman. Hakikatnya, punca (keganasan) itu ada. Maka kita harus mencari punca dan menyelesaikannya, jika tidak kita tak boleh hentikan keganasan," katanya.

Ditanya sama ada Vajpayee dan Musharraf ada membuat permintaan tertentu, Dr Mahathir berkata mereka cuma menceritakan mengenai keadaan di sana.

Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak pasti sejauh mana fungsi yang dapat dimainkan dalam menangani konflik serta ketegangan antara kedua-dua negara itu.

Ini berikutan permintaan Pakistan yang mahu Malaysia mempengaruhi India supaya berusaha menyelesaikan pertelingkahan berhubung isu Kashmir dalam usaha mengendurkan ketegangan dan mengelakkan peperangan antara kedua-dua negara berjiran itu.

Harapan Islamabad itu disampaikan Utusan Khas Presiden Pervez Musharraf, Najmuddin A Shaikh, pada pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini Rabu lalu.

Baru-baru ini, Musharraf menyifatkan tindakan India mengendurkan ketegangan dua kuasa nuklear itu belum memadai dan mahu negara itu mengambil langkah lebih wajar.

India dan Pakistan mengerahkan lebih sejuta tentera ke sempadan kedua-dua negara berikutan serangan terhadap bangunan Parlimen India, Disember lalu.

New Delhi menuduh kumpulan pejuang Kashmir yang disokong Pakistan bertanggungjawab terhadap serangan itu.

(END)